

# Pengenalan

*Azwan Ismail & Diana Dirani*

Apabila Amir Muhammad, pemilik Matahari Books, mengumumkan pada tahun 2008 bahawa beliau akan menerbitkan *Body 2 Body: A Malaysian Queer Anthology*, ramai peminat sastera dan golongan lesbian, gay, biseksual & transeksual (LGBT atau homoseksual – Editor: Istilah homoseksual akan digunakan bersilih-ganti dengan istilah gay, LGBT, seksualiti alternatif dan lain-lain dalam Pengenalan ini) di Malaysia berasa teruja. Penerbitan antologi sebegini adalah perlu untuk mengetengahkan penulisan mengenai seksualiti alternatif, dalam bahasa Inggeris atau Melayu, yang jarang-jarang dapat dibaca di negara ini kecuali beberapa karya yang sama ada diterbitkan secara bawah tanah (*underground*) ataupun di internet, dan juga yang diselitkan dalam antologi-antologi arus perdana (*mainstream*).

Walaupun antologi tersebut menampilkan karya-karya berbahasa Inggeris, sekurang-kurangnya langkah pertama telah diambil untuk memeriahkan bidang sastera tanahair yang telah sekian lama beku dengan idea dan suara baru serta tidak berani menampilkan ‘cerita-cerita lain’ sebagai mencabar *status quo* masyarakat. Serentak dengan itu juga, terdengar permintaan untuk melihat antologi sedemikian diterbitkan dalam bahasa Melayu. Maka apabila *Body 2 Body* yang disunting oleh Jerome Kugan dan Pang Khee Teik itu dilancarkan pada tahun 2009, Matahari Books telah juga mengumumkan penyertaan untuk versi bahasa Melayu buku tersebut. Ternyata sambutan yang diterima tidaklah mengecewakan walaupun kami mengenakan syarat penulis mestilah menggunakan nama sebenar. Lebih

70 buah karya telah disumbangkan oleh penulis-penulis dalam dan luar negara. Akhirnya kami telah memilih untuk menerbitkan 25 di antaranya (termasuk daripada kedua-dua orang editor).

Ketika dalam proses merekabentuk buku dan menulis pengenalan antologi ini, kami telah menerima satu berita buruk. Tiga buah buku *Body 2 Body* telah 'diambil' oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dari kedai buku terkenal Kinokuniya. Alasan yang diberikan mereka ialah buku tersebut hendak diteliti setelah menerima aduan bahawa kandungannya mungkin dapat 'merosakkan moral' pembaca. Nasib buku *Body 2 Body* yang berada dalam 'tahanan' KDN itu masih belum diketahui. Apa-apa pun kerja-kerja untuk menerbitkan antologi Orang Macam Kita ini mesti diteruskan kerana kami berpendapat karya-karya dalam antologi ini perlu dibaca oleh masyarakat bagi memahami seksualiti alternatif dan golongan LGBT kerana apa yang merosakkan moral sebenarnya ialah kejahilan (*ignorance*) mengenai isu sebegini dan tidak memahami serta menghormati perbezaan.

### **Pelopor Sastera Moden Seksualiti Alternatif Tanahair**

Bagi mereka yang telah lama mengikuti perkembangan dunia gay Melayu di internet terutamanya sekitar sedekad yang lalu, tentu ada yang pernah mendengar nama Nizam Zakaria. Beliau sekarang lebih dikenali di media arus perdana sebagai penulis skrip, pengarah dan penerbit drama televisyen di samping menghasilkan beberapa novel popular yang ada dijual di kedai-kedai buku seluruh negara. Tetapi pada mulanya beliau telah terlebih dahulu mencipta nama sebagai seorang penulis laman blog. Ketika itu beliau juga ada menulis cerpen dan novel dengan cerita-cerita berkisarkan dunia gay Melayu. Pada asalnya cerita-cerita tersebut diterbitkan di beberapa laman web gay Melayu. Kemudian, setelah beliau mempunyai laman blog sendiri, cerita-cerita tersebut boleh dimuat turun dari laman blognya. Apabila blognya menjadi lebih popular, dia lebih cenderung menulis cerita-cerita yang menampilkan watak-watak *straight* tetapi masih mengekalkan idea-idea yang eksentrik dalam karya-karyanya selain daripada meneroka pelbagai genre.

Karya-karya Nizam Zakaria yang paling penting dan telah mempopularkan namanya di kalangan gay Melayu ialah tiga buah novelnya yang awal: *Nafas, Aku, Rama-rama* dan *Potret*. Ketiga-tiga buah novel ini membentuk satu trilogi ‘roman picisan’ yang tidak salah dikatakan adalah *magnum opus* penulis ini (Editor: Ada yang mengatakan wujud satu lagi novel dalam siri roman picisan ini, *Seluang*, yang merupakan pelengkap kepada tiga buah novel tersebut lalu menjadikan semua novel ini sebagai satu quartet. Walau bagaimanapun, novel ini tidak ditemui di internet dan mungkin tidak ramai yang mengetahui kewujudannya). Ketiga-tiga novel ini perlu menjadi bacaan wajib bagi mereka yang ingin mendampingi sastera gay Melayu tanahair. Walaupun gaya penulisan novel-novel ini lebih kepada sastera popular tetapi ia memperkenalkan cerita-cerita dan watak-watak yang belum pernah dijumpai dalam dunia penulisan Melayu yang tipikal.

Berlatar-belakangkan kehidupan homoseksual Melayu, Nizam Zakaria melakari kisah-kisah dalam ketiga-tiga novel ini dengan nilai-nilai estetika dan cinta, unsur-unsur homo-erotis dan alegori tanpa berselindung yang kadangkala bernada amat sinis, semuanya dalam bahasa yang mudah diterima para pembacanya. Malah gaya eksistentialisme yang ditampilkan menjadikan beliau lebih rapat kepada pembaca-pembaca gay Melayu kerana cerita-ceritanya bagaikan kisah benar dengan suasana yang tidak asing bagi mereka.

Cerpen-cerpen Nizam Zakaria juga menarik untuk dibaca dan menampilkan variasi cerita. Sejumlah cerpen dikumpulkan dalam *Antologi Cerpen Metro-M* dan seperti ketiga-tiga novel itu, kebanyakannya masih belum diterbitkan dalam bentuk buku. Hanya dua buah cerpen telah diselitkan dalam antologi *Wilayah Kutu*, terbitan Neohikayat Press pada tahun 2005. Oleh itu kami telah meminta kebenaran Nizam Zakaria untuk mengambil tiga buah cerpen daripada *Antologi Cerpen Metro-M* untuk diterbitkan dalam antologi **Orang Macam Kita** yang berada dalam tangan anda kini supaya lebih ramai orang dapat membacanya. Memandangkan beliau bagaikan sudah mencapai status legenda dalam dunia sastera moden gay Melayu, keputusan yang diambil untuk menerbitkan tiga buah cerita (**Sembang Ratu I, Sembang Ratu II** dan **Pencuri Hati**) dalam antologi ini adalah sesuatu yang rasional.

Selain daripada Nizam Zakaria, terdapat seorang lagi penulis yang boleh dikatakan penting dalam sejarah sastera moden gay Melayu. Karya-karya awal beliau lebih berunsurkan homo-erotis dan hanya disiarkan dalam laman-laman web gay tertentu. Tetapi beliau tidak sepopuler Nizam Zakaria dalam penulisan genre ini kerana cerita-ceritanya tidak banyak serta tidak tersebar luas dalam ruang internet berbanding Nizam Zakaria. Beliau lebih dikenali dengan karya-karya genre lain. Malah tidak ramai yang mengetahui beliau ada menulis karya-karya homo-erotis. Oleh kerana beliau tidak lagi menulis karya-karya sebegitu dan sebagai menghormati pendirian beliau, kami tidak menamakan siapa penulis tersebut. Cukuplah untuk kami katakan yang beliau juga ada menyumbangkan karyanya dalam antologi ini.

Sekarang kita lupakan seketika kedua-dua penulis itu. Apa kata kita masuk ke dalam mesin masa dan kembali ke era 1970an dan 1980an. Kita akan menemui satu personaliti yang tidak asing lagi dalam arena hiburan tanahair. Juwie, atau nama asalnya Abdul Jalil Salleh, dikenali sebagai seorang wartawan hiburan dan penulis lirik lagu. Apa yang membuatkan beliau lebih terkenal adalah imejnya sebagai mak nyah dan/atau khunsa tanpa selindung-selindung. Tetapi ramai yang tidak mengetahui latar belakang kehidupannya yang penuh suka dan duka terutama ketika beliau dalam proses menerima dirinya sebagai seorang 'yang lain'. Begitu juga kisah-kisah cintanya yang tidak kurang menarik sebagaimana yang terkandung dalam lirik-lirik lagu cinta popular mendayu-dayu yang ditulisnya. Semua ini walau bagaimanapun dapat diketahui dalam sebuah memoir ringkas beliau yang bertajuk *Dengan Seribu Cinta* (Pena, 1983). Penerbitan buku ini membuktikan bahawa beliau mungkin merupakan penulis pertama dari golongan 'seks ketiga' di tanahair. Malah buku tersebut boleh dikatakan antara karya moden seksualiti alternatif terawal yang diterbitkan terutamanya dalam genre memoir. Walaupun Juwie lebih banyak menyelami perhubungan cintanya dengan beberapa orang teman lelaki, memoir ini juga menceritakan peristiwa-peristiwa penting yang dialami beliau sewaktu meningkat dewasa (termasuk percubaan membunuh diri dan dirawat di wad psikiatri) serta aspek-aspek kerohanian yang diamalkannya (beliau menerima bimbingan daripada seseorang yang amat terkenal ketika ini terutama dengan kes mahkamah, yang ironinya, berkaitan dengan homoseksual).

### Homoseksualiti Dalam Sastera Klasik

Jika kita melangkah lebih ke belakang lagi dan kembali ke zaman lampau, kita dapat saksikan bahawa kehidupan ketika itu tidaklah terlalu hitam putih seperti dalam filem-filem lama lakonan Nordin Ahmad dan Siput Serawak. Malah jika kita mendampingi beberapa karya sastera klasik, ada kisah masyarakat berwarna-warni yang memaparkan corak-corak homoseksualiti. Ini seolah-olah memberitahu kita bahawa homoseksualiti bukanlah ciptaan zaman moden tetapi telah lama bersemadi dalam kehidupan nenek moyang kita. Cuma kita perlu memahami bagaimana homoseksualiti berfungsi dalam budaya zaman itu tanpa terlebih dahulu memerangkap akal fikiran dengan hukuman-hukuman moral. Melalui cara itulah juga pemahaman mengenai homoseksualiti pada zaman sekarang patut dibentuk. Sejarah bukan sesuatu untuk dipersia-siakan. Daripadanya kita belajar untuk memahami, dan menerima masyarakat dengan budaya yang pelbagai dan serba kompleks. Melalui cara itulah kita dapat seterusnya menghormati perbezaan di antara kita.

Menerusi esei yang bertajuk **Sekilas Ikan di Air, Siapa Tahu Jantan Betina: Siapa Sebenarnya Panji Semirang Asmarantaka?**, Farish A. Noor telah meneroka kompleksiti masyarakat silam dengan mengkaji *Hikayat Panji Semirang Asmarantaka*. Teks klasik ini menunjukkan bagaimana “nenek-moyang kita dapat menghadapi kesamaran seksual (*sexual ambiguity*) dan jenis-jenis batasan seksual”. Tema utama hikayat yang dikaji beliau berlingkar sekitar “pencarian cinta dan penunaian keinginan bersama, yang sering digambarkan sebagai tujuan itu sendiri tanpa sebarang kecaman moral.” Ternyata orientasi seksual watak-watak dalam hikayat ini hadir secara semulajadi tanpa dipandang negatif oleh sesiapa. Jika hendak dibicarakan tentang moral sekalipun, apa yang dapat dirumuskan oleh Farish A. Noor antaranya ialah “cinta melampaui batas-batas gender dan seksualiti.”

Satu lagi teks klasik yang ada disebut dalam antologi ini ialah *Hikayat Juragan Budiman*. Fadli al-Akiti merujuk pada karya ini apabila membicarakan mengenai identifikasi homoseksualiti dalam warisan sejarah dan budaya di negara kita sebagai sebahagian daripada hujah-hujah dalam esainya, **Hanya Jauhari Menyelindung Manikam: Memburu Ikon**

**Gay Dalam Filem Malaysia.** Selepas meneliti teks klasik itu (yang dikaji oleh Mat Saat Baki di dalam buku *Psikologi Melayu*), apa yang jelas dapat difahami beliau ialah “orang Melayu lama sudah memahami kecenderungan biseksual dalam kalangan masyarakatnya.” Ini menunjukkan penerimaan homoseksualiti sudah pun wujud pada zaman dahulukala dan ia bukan sesuatu yang asing. Walaupun begitu, ketika membincangkan mengenai ikon-ikon gay dalam filem di Malaysia, beliau menyedari terdapatnya satu trend dalam bidang hiburan (termasuk perfileman) di mana pemaparan mengenai homoseksualiti “menjadi tersekat dan terus tersekat dalam paparan medium hiburan buat masyarakat.” Beliau mengesyaki faktor budaya dan agama ada memainkan peranan dalam hal ini. Malah dengan tegasnya beliau berkata, “Di sini, kita susah untuk mencari identifikasi sejarah homoseksual kita atas sebab budaya dan konsensus masyarakat.”

### Faktor Agama dan Budaya

Dalam membicarakan mengenai seksualiti terutamanya homoseksualiti, kita tidak dapat lari daripada menyentuh mengenai agama dan budaya. Oleh itu memang tidak menghairankan apabila sebahagian besar karya dalam antologi ini ada memasukkan unsur-unsur tersebut dan ia tidak terhad kepada mana-mana satu agama atau bangsa sahaja. Karya-karya tersebut memberitahu kita bahawa boleh terjadi krisis dalam diri dan melibatkan orang lain, termasuk ahli keluarga (dan rakan-rakan) serta masyarakat dalam mana-mana situasi yang melibatkan homoseksualiti.

Dina Zaman dalam **Lurus Atau Bengkok** telah menemui beberapa individu yang berhadapan dengan konflik agama dalam memahami seksualiti diri mereka. Mereka terdiri daripada lelaki dan wanita Muslim yang taat mengamalkan suruhan agama. Cuma apa yang membezakan mereka dengan orang Muslim yang lain ialah mereka mempunyai keinginan homoseksual. Kebanyakan daripada mereka menyedari bahawa homoseksualiti adalah sesuatu yang dilarang oleh Islam dan telah berusaha untuk menjadikan diri mereka ‘normal’ kembali. Ini termasuklah menunaikan haji di Mekah, meminta nasihat daripada para ustaz, berzikir dan bersembahyang serta memakai tudung. Meskipun begitu, mereka masih tidak dapat menahan keinginan homoseksual yang

meronta-ronta dalam diri mereka. Dalam meneroka isu ini ternyata Dina Zaman, sebagai seorang Muslim, seolah-olah meletakkan dirinya berada dalam situasi individu-individu yang ditemuinya. Dia sendiri bagaikan cuba untuk mengatakan ‘boleh’ atau ‘tidak boleh’ dan pada akhirnya cuma dapat menyimpulkan, “Dan yang paling penting adalah kebaikan diri anda, betul tak?”

Hafidz Baharom juga menyelitkan isu agama dan budaya dalam tulisannya yang bertajuk **Sejarah Ringkas Media Cetak Tentang Orang Macam Kita**. Beliau telah merujuk pada beberapa keratan akhbar yang ada menyentuh mengenai hal homoseksualiti di negara kita. Kebanyakan artikel akhbar yang ditemuinya memaparkan cerita-cerita yang negatif mengenai golongan homoseksual. Ini termasuklah bagaimana para mufti dan ilmuwan Islam telah menentang usaha untuk membantu golongan mak nyah dan gay dalam pencegahan AIDS kerana mereka berpendapat “AIDS hanyalah sesuatu yang berlaku terhadap golongan gay sahaja.” Ada lagi artikel-artikel bernada negatif seperti itu yang dilaporkannya dalam **Sejarah Ringkas Media Cetak Tentang Orang Macam Kita**. Oleh kerana itu beliau berkata “memang tidak menghairankan apabila dalam negara kita golongan homoseksual / Orang Macam Kita (People Like Us atau PLU) dan isu-isu mengenai mereka telah dipandang negatif.” Beliau menuding jari pada pihak media yang berat sebelah dan tidak bersifat terbuka dalam melaporkan isu-isu mengenai homoseksualiti.

**Sepetang Di Kafe Oedipus** oleh Mohd Ikhwan pula telah pergi lebih jauh dengan mengaitkan peranan agama dan budaya dalam isu homoseksualiti dengan politik. Menggunakan format perbualan antara tiga orang rakan, beliau telah menerangkan bagaimana agama dipergunakan untuk mempertahankan hegemoni kuasa. Menurut beliau, ahli-ahli agama memainkan tanggungjawab mereka dalam membantu golongan pemerintah menggunakan isu moral untuk menumpaskan musuh-musuh politik. Penulis ini seterusnya menjelaskan bahawa golongan homoseksual boleh dikategorikan dalam golongan marjinal yang tidak memiliki kuasa lalu senang ditekan oleh pihak pemerintah, tetapi golongan ini “lebih mudah bersatu membentuk kolektif mereka sendiri untuk melawan semula tekanan penguasa.”

Cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi ini ada menceritakan bagaimana agama dan budaya menjadi penghalang dalam penerimaan homoseksualiti dalam masyarakat, malah kepada perhubungan sesama pasangan gay dan juga ahli keluarga. Dalam **Wanita Dua Wajah** yang ditulis oleh Bissme S, watak Rebecca terpaksa melakukan sesuatu yang kejam demi cintanya kepada Jennifer, yang datang daripada keluarga yang kuat beragama. Jennifer sering berada dalam konflik personaliti, dia perlu memilih untuk menjadi seorang gay atau seorang yang patuh kepada agama (yang mana homoseksualiti adalah satu dosa). Hal sebegini bukanlah sesuatu yang asing dan dialami ramai orang gay termasuk di negara kita. Biasanya, adalah menjadi cabaran besar untuk mengaku gay (*come out*) kepada ahli keluarga dan rakan-rakan terutama jika mereka berfikiran konservatif dan amat patuh kepada agama. Malahan boleh terjadi konflik dalam keluarga seperti yang dialami oleh watak Pena dalam cerpen penuh dramatik **Rabak**, karya Mohd Zaain bin Md Zin. Pena terpaksa menghadapi karenah adik lelakinya yang tidak dapat menerimanya sebagai seorang lelaki gay.

**Duyung Karuna** yang ditulis oleh Chuah Guat Eng pula memaparkan penyesalan saat-saat nazak seorang ibu (Puan Sta Maria) yang pada mulanya menganggap anak lelakinya yang gay (Cal) sebagai pembawa sial. Cal yang telah lama tiada (setelah hilang di laut dan dianggap mungkin telah membunuh diri) 'menjelma' sebagai Ariel (mangsa lemas yang diselamatkan oleh anak-anak perempuan dan menantu Puan Sta Maria) dan 'memaafkan' ibunya sebelum meninggal dunia. Karya Chuah Guat Eng ini menunjukkan konflik keluarga disebabkan isu homoseksualiti boleh menyebabkan nyawa terkorban dan mendatangkan penyesalan yang terlewat. Tetapi wujud penamat yang berbeza dalam cerpen oleh Khalid Idris yang bertajuk **Jika Itu Takdirnya**. Perhubungan sepasang kekasih dalam cerita ini terpaksa ditamatkan kerana alasan keluarga. Walaubagaimanapun mereka masih tetap bersama kerana perhubungan mereka telah bertransformasi menjadi sesuatu yang lebih indah (meskipun pahit kerana bukan lagi sebagai kekasih).

## Pertembungan Antara Homoseksual Dengan Heteroseksual

Pertembungan antara homoseksual dengan heteroseksual kelihatan dalam **Sulalatus Anilingus**, karya Ridhwan Saidi. Cerpen beliau lebih berkisarkan tentang adegan perkahwinan dalam filem pendek *Comolot* (oleh Amy Ikram) yang dibualkan oleh sepasang kekasih. Pasangan 'Aku' dan 'Dia' menyentuh mengenai bagaimana *Comolot* telah "merobohkan dogma perkahwinan heteroseksual." Kita juga dapat menyaksikan watak heteroseksual hadir dalam agenda watak-watak homoseksual, seperti di dalam cerpen-cerpen *Yang Sebenarnya* (oleh Adibah Yahya), **SYI** (oleh Mohd Syahar Azizan) dan **Tiga Perbualan dan Satu Siri Pesanan Ringkas** (oleh Nur Fadhlina Binti Mohd Yusof). Pasangan Saleh dan Hassan mendominasi cerita **Yang Sebenarnya**, tetapi wujud satu lagi watak bernama Ayu. Dalam cerita ini Saleh dan Ayu bergelar sepasang kekasih walaupun kita dapat merasakan Saleh tidak mencintai perempuan itu, dan pasangan kekasih yang sebenar adalah Saleh dan Hassan.

Cerpen **SYI** juga mempunyai tiga watak penting. Reza yang berkawan rapat dengan Syifa cuba menggoda Irena, si penjual belon. Tetapi tanpa disedarinya, Irena meminati Syifa dan kedua-dua orang gadis ini kemudian menjadi sepasang kekasih. Kedua-dua cerpen ini seolah-olah memberi sindiran sinis kepada golongan heteroseksual (atau *straight*) yang memberitahu tidak semestinya seseorang yang mereka cuba pikat itu adalah *straight* dan kerana itu mereka perlu bersedia untuk kecewa, sebagaimana golongan homoseksual yang sering makan hati dan terpaksa memendamkan perasaan jika mereka meminati seorang heteroseksual. **Tiga Perbualan dan Satu Siri Pesanan Ringkas** pula menampilkan watak-watak panseksual dan lesbian yang cuba menjelaskan mengenai seksualiti alternatif kepada watak-watak heteroseksual. Menariknya, gaya penceritaan yang bersahaja dalam cerpen ini boleh menjadi contoh bagaimana untuk golongan homoseksual menangani ketidakfahaman ahli keluarga, rakan-rakan atau sesiapa sahaja (yang heteroseksual) mengenai isu homoseksualiti.

### Kepelbagaian Genre dan Variasi Cerita

Cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi ini mencakupi pelbagai genre dan jenis cerita. Ini menunjukkan karya-karya penulisan bertemakan seksualiti alternatif tidak terhad kepada kisah-kisah cinta tipikal sahaja. **Pencuri Hati** oleh Nizam Zakaria contohnya, walaupun mengisahkan cinta pandang pertama (jatuh hati), ia sesuatu yang berlainan kerana mengandungi elemen ngeri dan berkonsep *noir*. Unsur-unsur luar biasa juga dapat ditemui dalam cerita fantasi **Anak Ikan** oleh Ajami Hashim dan Fadli al-Akiti, dan cerita romantik seram **Asmara Dua Vampir** oleh Diana Dirani. Dalam **Anak Ikan**, seekor anak ikan menjelma menjadi seorang remaja lelaki. Ia hadir dalam kehidupan watak utama cerita ini yang baru kematian rakan baiknya. Kesunyian hidup dan cinta tidak kesampaian menjadi inti utama cerita ini. **Asmara Dua Vampir** pula adalah kisah alegori vampir (*vampire*) homoseksual dan percintaan di antara dua alam berbeza.

Clarissa Lee telah menyumbangkan cerpennya (fragmen dari sebuah novel yang bakal ditulis) yang berkonsepkan fiksi sains dan erotika. Cerpen **Avatar Tekne-Seksual** mengambil latar belakang sebuah institusi pendidikan luar negara dan berlingkar mengenai persembahan seni 'perantaraan organik erotik' oleh dua orang artis media. Sensualiti hadir secara terang-terangan dalam cerpen ini. Apa yang menarik, ia cuba memberitahu bahawa biseksualiti boleh hadir dalam setiap individu dan rangsangan tertentu diperlukan untuk 'mengaktifkannya'. Unsur-unsur erotika juga hadir dalam cerita **Tiada Sesalan** oleh Azwan Ismail. Karya berbaur peribadi ini lebih merupakan kisah *coming of age* atau transisi dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Pengalaman-pengalaman seksual watak 'dia' diceritakan dengan jelas tetapi barangkali sudah tentu bukan sesuatu yang asing bagi seorang gay yang meningkat dewasa sepertinya. Selain itu, Azwan Ismail juga memasukkan elemen-elemen muzik pop yang telah mempengaruhi watak utama cerita ini.

Format monolog digunakan oleh tiga orang penulis. Bernice Chauly memperkenalkan watak seorang transeksual dalam **Honey**. Honey bercerita kepada para pembaca mengenai keluarganya, pekerjaannya dan pengalaman berhadapan dengan pihak penguasa. Dalam **Gay-a Ke Aku?**,

Zulkifli Bin Mohamad bertanya soalan yang mungkin ‘sudah terang lagi bersuluh’. Dengan gaya bersahaja dia berkongsi dengan pembaca pengalaman-pengalaman yang dialaminya sewaktu kecil. Sudah tentu pengalaman-pengalaman yang dapat mengkategorikan dirinya sebagai seorang gay. Kemeriahan monolog sebegitu diteruskan dalam dua monolog yang saling berkaitan (tetapi boleh dibaca berasingan), **Sembang Ratu I** dan **Sembang Ratu II**, kedua-duanya oleh Nizam Zakaria. Menerusi monolog-monolog ini, kita mendengar celoteh seorang gay yang berbicara dalam slanga yang biasa digunakan oleh golongan gay Melayu. Kemeriahan watak utama monolog-monolog ini (mereka mungkin orang yang sama, tetapi boleh jadi juga individu berbeza) berbual-bual dengan temannya bagaikan seorang ‘ratu’ (*queen*), walaupun tidak kedengaran dialog rakannya, tetapi ternyata si ratulah yang menguasai perbualan tersebut.

### Istilah, Slanga dan Bahasa

**Orang Macam Kita** dipilih sebagai tajuk antologi ini berdasarkan terjemahan secara langsung istilah *People Like Us* (atau singkatan popularnya, PLU). PLU merupakan salah satu istilah atau slanga yang digunakan, terutamanya di Malaysia dan Singapura, untuk merujuk kepada golongan homoseksual. Ketiadaan istilah yang serupa dalam bahasa Melayu telah menyebabkan kami menterjemahkan secara langsung istilah *People Like Us* dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu bagi mewujudkan satu istilah baru yang dapat digunakan oleh golongan homoseksual di Malaysia sebagai satu alternatif kepada istilah lain seperti *gay*, *gayboy*, lesbian, LGBT mahupun PLU itu sendiri. Menariknya, istilah **Orang Macam Kita** telah pun digunakan dalam dua karya di dalam antologi ini: **Tiga Perbualan dan Satu Siri Pesanan Ringkas** dan **Sejarah Ringkas Media Cetak Tentang Orang Macam Kita**. Penggunaan istilah baru ini menunjukkan ia tidaklah kelihatan janggal jika digunakan kena pada tempatnya dan golongan homoseksual di Malaysia mungkin perlu mengambil masa untuk membiasakan diri menggunakannya. Malah **Orang Macam Kita**, selain menjadi verifikasi sesama individu homoseksual, adalah istilah yang sesuai untuk menyatakan golongan homoseksual juga adalah serupa dengan golongan heteroseksual dan mempunyai hak yang sama seperti mereka, seperti manusia biasa.

Walaupun bahasa Melayu digunakan dalam hampir keseluruhan karya dalam antologi ini, kita dapat menyaksikan fleksibiliti diberikan kepada dua buah cerpen. **Pangkong** oleh penulis dari Indonesia, Dalih Sembiring, telah dikekalkan dalam bahasa asalnya, bahasa Indonesia. Bagi mereka yang sudah biasa dengan bahasa Melayu, untuk memahami penulisan dalam bahasa Indonesia bukanlah sesuatu yang terlalu sukar kerana kedua-dua bahasa tidaklah sangat berbeza (Editor: Walau bagaimanapun, kami ada menyediakan terjemahan dalam bahasa Melayu bagi beberapa perkataan dalam bahasa Indonesia). **Vagabundando**, **Vagamundando** yang ditulis oleh Fernando Rosa Ribeiro juga pada asalnya ditulis dalam bahasa Indonesia bercampur-aduk dengan bahasa Inggeris dan bahasa Portugis Brazil. Kami telah menukarkan gaya bahasa Indonesia dengan bahasa Melayu tetapi mengekalkan sebahagian ayat-ayat bahasa Inggeris dan Portugis Brazil. Tujuan kami berbuat begitu kepada kedua-dua cerpen ini adalah untuk menunjukkan cerita-cerita bertemakan homoseksualiti mempunyai bahasa yang semulajadi. Dalam gaya bahasa apa sekalipun, 'bahasa homoseksual' dapat dikesan hadir dan difahami disamping mempunyai tanda-tanda (*signals*) yang serupa.

Begitu juga apabila sesuatu cerita itu dialih-bahasa dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Mungkin beberapa unsur cerita akan hilang. Tetapi dalam cerita **Indra dan Fadil** oleh Paul Agusta, seorang lagi penulis Indonesia, setelah diterjemah dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, inti cerita masih dapat dikekalkan dan 'bahasa homoseksual' tetap dapat difahami. Juga tidak menjadi masalah jika lokasi dan watak-watak cerita mungkin bertukar identiti (Malaysia menjadi Indonesia). Yang penting kita masih dapat mengetahui maksud cerita dan tanda-tanda homoseksual yang jelas. Permainan cinta (*flirting*) antara Indra dan Fadil tetap terpelihara. Tetapi ya, mungkin rasa kopi Indonesia dan Malaysia ada bezanya dan tidak dapat diterjemahkan. Hanya mereka yang pernah merasainya dapat membezakan. Seperti homoseksualiti, jika tidak dikenali, ia tidak akan dapat difahami.